



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KAJIAN TERHADAP TARIAN KOLATTAM DI MALAYSIA MELALUI KUMPULAN KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING STARZ DI IPOH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

YASHINI A/P MANOGARAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KAJIAN TERHADAP TARIAN KOLATTAM DI MALAYSIA MELALUI
KUMPULAN KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING
STARZ DI IPOH**

YASHINI A/P MANOGARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MENENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada6.....(hari bulan) **FEBRUARI** (bulan) **20. 24..**

i. Perakuan pelajar :

Saya, YASHINI A/P MANOGARAN, M20181001582, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERESEMBAHAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KAJIAN TERHADAP TARIAN KOLATTAM DI MALAYSIA MELALUI KUMPULAN KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING STARZ DI IPOH.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. SALMAN ALFARISI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KAJIAN TERHADAP TARIAN KOLATTAM DI MALAYSIA MELALUI KUMPULAN KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING STARZ DI IPOH.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENGAJIAN TARI (SLA NYATAKAN NAMA) IJAZAH).

04.04.2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KAJIAN TERHADAP TARIAN KOLATTAM DI MALAYSIA MELALUI KUMPULAN
KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING STARZ DI IPOH

No. Matrik / Matric's No.: M20181001582

Saya / I : YASHINI A/P MANOGARAN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

DR. SALMAN ALFARISI

Senior Lecturer

Performing Arts Department

Faculty of Music and Performing Arts

Sultan Idris Education University

Perak, Malaysia

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 04.04.2024

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya yang diberi peluang untuk membuat dan menyiapkan disertasi ini dengan lancar dan selesai tepat pada masanya. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Salman Alfarisi dan Prof Madya Dr Muhammad Fazli Taib Saearani, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan sepanjang penulisan disertasi ini. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi membantu sepanjang pengajian ini. Segala jasa baik tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada para responden dalam kajian ini yang memberikan maklumat serta sokongan sepanjang kajian ini dijalankan dengan penuh kesabaran. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu dan bapa kerana memberikan dorongan dan bimbingan yang tiada penghujung baik dari segi fizikal, mental mahupun kewangan. Seterusnya, terima kasih kepada rakan-rakan saya yang banyak membantu dari segi memberikan nasihat sepanjang tempoh pengajian ini. Akhir sekali, terima kasih kepada mereka yang terlinta secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.





ABSTRAK

Tari Kolattam merupakan sebuah tarian rakyat yang popular oleh masyarakat India di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti koreologi dan sosiologi antara tarian Kolattam di India dan Malaysia. Kajian ini menumpukan tiga objektif kajian iaitu (i) mengenal pasti proses kedatangan masyarakat India di Malaysia. (ii) menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam asli dari India. (iii) menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam masyarakat India pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh, Malaysia. Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah koreologi dan sosiologi. Teori ini dapat mengenali proses kedatangan masyarakat India dan kedatangan Kolattam serta tari Kolattam dari India dengan kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh, Malaysia. Data kajian ini diperoleh dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui proses temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Dapatkan kajian membincangkan proses kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu pada abad ke 4 SM sehingga muncul tari Kolattam di Malaysia. Hasilnya dipercayai tari Kolattam dibawa menerusi labour diaspora sehingga muncul di beberapa negeri di Malaysia dan kini berkembang pesat di Ipoh. Kolattam masyarakat India dalam kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh, Malaysia turut dikupas dengan membincangkan aspek-aspek penari, props, muzik, pola lantai, busana, pentas, aksesoris penari dan gerak. Manakala aspek sosiologi meliputi, adat, hiburan, pertunjukan dan pendidikan.

.





A STUDY OF KOLATTAM DANCE IN MALAYSIA THROUGH THE SRI MUDRAKSHA NATYALAYA AND SHINNING STARZ ART GROUPS IN IPOH

ABSTRACT

Kolattam dance is a popular folk dance by the Indian community in Malaysia. The purpose of this study is to identify choreology and sociology between Kolattam dance in India and Malaysia. This study focuses on three research objectives, namely (i) identifying the process of arrival of the Indian community in Malaysia. (ii) analysis the choreology and sociology of the original Kolattam dance from India. (iii) analysis the choreology and sociology of Kolattam dance of the Indian community at Sri Mudraksha Natyalaya and Shinning Starz art groups in Ipoh, Malaysia. The theory used in this study is choreology and sociology. This theory can recognize the process of the arrival of the Indian community and the arrival of Kolattam and Kolattam dance from India with the Sri Mudraksha Natyalaya and Shinning Starz art groups in Ipoh, Malaysia. The data for this study was obtained by using qualitative methods through interviews, observations and documentation. The research findings discuss the process of the arrival of the Indian community to Malaya in the 4th century BC until the emergence of the Kolattam dance in Malaysia. As a result, it is believed that Kolattam dance was brought through diaspora labor until it appeared in several states in Malaysia and is now growing rapidly in Ipoh. Kolattam of the Indian community in the art group Sri Mudraksha Natyalaya and Shinning Starz in Ipoh, Malaysia is also discussed by discussing the aspects of dancers, props, music, floor patterns, fashion, stage, dancer accessories and movement. While the sociological aspect covers, customs, entertainment, shows and education.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiv
-----------------------	-----

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI GAMBAR	xvi
-----------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Teori	8
1.6 Kerangka Teori	12
1.7 Definisi Operasional	13



1.8	Batasan Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.10	Rumusan	18

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Tari Rakyat	21
2.2	Kedatangan Masyarakat India di Malaysia	26
2.3	Tari Kolattam	36
2.4	Adat Masyarakat India	42
2.5	Koreologi dan Sosiologi	45
2.6	Rumusan Tinjauan Literatur	49
2.7	Rumusan	50



BAB 3 METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	51
3.1	Reka Bentuk Kajian	53
3.2	Kaedah Kajian	55
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	57
3.4	Analisis Data	60
3.5	Prosedur Penyelidikan	62
3.6	Rancangan Format Tesis	63
3.7	Rumusan	64

BAB 4 PROSES KEDATANGAN MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA

4.0	Pendahuluan	65
-----	-------------	----





4.1 Pengenalan Kepada Kedatangan Masyarakat India di Malaysia	66
4.2 Kedatangan Masyarakat India di Malaysia Fasa Pertama (<i>Imperial Diaspora</i>)	70
4.3 Kedatangan Masyarakat India di Malaysia Fasa Kedua (<i>Trade Diaspora</i>)	71
4.4 Kedatangan Masyarakat India di Malaysia Fasa Ketiga (<i>Labour Diaspora</i>)	73
4.5 Masyarakat India di Malaysia (Abad Ke 21)	75
4.6 Faktor Kedatangan Masyarakat India di Malaysia	76
4.6.1 Sosial	77
4.6.2 Ekonomi	78
4.6.3 Politik	80
4.7 Budaya dan Adat Masyarakat India di Malaysia	81
4.8 Perayaan	82
4.8.1 Ponggal	82
4.8.2 Thaipusam	84
4.8.3 Navarathiri	85
4.9 Kesenian Masyarakat India di Malaysia	86
4.10 Ciri-ciri Masyarakat India di Malaysia	89
4.11 Hubungkait Kolattam Dengan Kedatangan Masyarakat India di Malaysia	92
4.12 Rumusan	93





BAB 5 TARI KOLATTAM DARI INDIA

5.0 Pendahuluan	95
5.1 Sejarah Tari Kolattam	96
5.2 Mitos Kolattam	99
5.3 Pengenalan Koreologi Tari Kolattam dari India	101
5.4 Koreologi Tari Kolattam di India	104
5.4.1 Penari	104
5.4.2 Props	106
5.4.3 Muzik	109
5.4.4 Pola Lantai	111
5.4.5 Busana	113
5.4.6 Pentas	115
5.4.7 Aksesori Penari	116
5.4.8 Gerak Kolattam	117
5.5 Sosiologi Tari Kolattam Di India	120
5.5.1 Upacara Keagamaan	120
5.5.2 Upacara Adat	121
5.5.3 Berfungsi Sebagai Hiburan	123
5.5.4 Berfungsi Sebagai Pengaruh Dalam Industri Filem India	124
5.6 Rumusan	126





BAB 6 KOREOLOGI DAN SOSIOLOGI TARI KOLATTAM PADA KUMPULAM KESENIAN SRI MUDRAKSHA NATYALAYA DAN SHINNING STARZ

6.0 Pendahuluan	127
6.1 Fasa Perkembangan Tari Kolattam di Malaysia	128
6.2 Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	137
6.2.1 Pengenalan Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	138
6.3 Koreologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	139
6.3.1 Penari	140
6.3.2 Props	141
6.3.3 Muzik	143
6.3.4 Pola Lantai	147
6.3.5 Busana	151
6.3.6 Pentas	153
6.3.7 Aksesori Penari	155
6.3.8 Gerak	157
6.3.8.1 Gerak Kolattam	158
6.4 Sosiologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	165
6.4.1 Upacara Adat	166
6.4.2 Berfungsi Sebagai Hiburan	167
6.4.3 Berfungsi Sebagai Pertunjukan Dan Tontonan	168
6.4.4 Berfungsi Dalam Bidang Pendidikan	169
6.5 Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Shinning Starz	170
6.5.1 Pengenalan Kumpulan Kesenian Shinning Starz	170





6.6 Koreologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Shinning Starz	172
6.6.1 Penari	173
6.6.2 Props	175
6.6.3 Muzik	176
6.6.4 Pola Lantai	178
6.6.5 Busana	181
6.6.6 Pentas	183
6.6.7 Aksesori Penari	185
6.6.8 Gerak Kolattam	187
6.7 Sosiologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Shinning Starz	190
6.7.1 Upacara Adat	191
6.7.2 Berfungsi Sebagai Hiburan	192
6.7.3 Berfungsi Sebagai Pertunjukan Dan Tontonan	193
6.7.4 Berfungsi Dalam Bidang Pendidikan	194
6.8 Struktur Tari Kolattam	194
6.9 Analisis Tari Kolattam Antara Di India Dengan Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya Dan Shinning Starz	198
6.9.1 Penari	198
6.9.2 Props	199
6.9.3 Muzik	200
6.9.4 Pola Lantai	201
6.9.5 Busana	202
6.9.6 Pentas	203
6.9.7 Aksesori Penari	204





6.9.8 Sosiologi Tari Kolattam Asli Dari India Dengan Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Kumpulan Kesenian Shinning Starz	205
6.10 Rumusan	207

BAB 7 KESIMPULAN

7.0 Pendahuluan	208
7.1 Kesimpulan	209
7.2 Implikasi Kajian	212
7.3 Cadangan	213





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
5.1 Pola Lantai Kolattam di India	107
5.2 Senarai Filem Tamil Yang Mempersembahkan Tari Kolattam	119
6.1 Pola Lantai Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	141
6.2 Pola Lantai Kumpulan Kesenian Shinning Starz	169
6.3 Sturktur Kolattam	184
6.4 Penari Kolattam	186
6.5 Prop Kolattam	187
6.6 Muzik Kolattam	188
6.7 Pola Lantai Kolattam	189
6.8 Busana Kolattam	190
6.9 Pentas Kolattam	191
6.10 Aksesori Kolattam	192
6.11 Sosiologi Tari Kolattam Asli Dari India Dengan Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Kumpulan Kesenian Shinning Starz	193



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teori	11
3.1 Reka Bentuk Kajian	51
3.2 Prosedur Penyelidikan	60
4.1 Hubungkait Kolattam Dengan Kedatangan Masyarakat India di Malaysia	89
6.1 Perkembangan Kolattam di Malaysia	126
6.2 Sosiologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	157
6.3 Sosiologi Tari Kolattam Kumpulan Kesenian Shinning Starz	176
7.1 Kesimpulan Kajian	199





SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
4.1 Peta Malaysia	65
4.2 Statistik Penduduk Malaysia	66
5.1 Lukisan pada Zaman Batu	95
5.2 Peta India	98
5.3 Persembahan Kolattam di India	101
5.4 Kol	102
5.5 Kudam	103
5.6 Alat Muzik Tradisional India	105
5.7 Busana Persembahan Kolattam di India	108
5.8 Pentas Persembahan Kolattam di India	110
5.9 Aksesori Persembahan Kolattam di India	111
5.10 Perbualan Dalam Talian YouTube	113
5.11 Persembahan Kolattam di India	116
5.12 Kolattam di India	118
6.1 Buku Seni Tari Sekolah Seni Malaysia Tingkatan 3	129
6.2 Buku Seni Tari Sekolah Seni Malaysia Tingkatan 3	129
6.3 Poster Kumpulan Kesenian Sri Mudraksha Natyalaya	131
6.4 Kayu Kolattam	135
6.5 Urumi	137
6.6 Pambai	138
6.7 Thavil	139
6.8 Busana Penari	144
6.9 Persembahan Kolattam	146
6.10 Aksesori Penari Perempuan	148
6.11, 6.12 Gerak Tari Kolattam	150
6.13, 6.14 Gerak Tari Kolattam	151





6.15,6.16,6.17	Gerak Tari Kolattam	152
6.18	Gerak Tari Kolattam	153
6.19,6.20,6.21	Gerak Tari Kolattam	154
6.22 & 6.23	Gerak Tari Kolattam	155
6.24	Penari Kolattam	159
6.25	Penari JKKN Perak	160
6.26	Kumpulan Kesenian Shinning Starz	162
6.27	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	164
6.28	Penari Kolattam	164
6.29	Kayu Kolattam	165
6.30	Kumpulan Pemuzik Urumi	167
6.31	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	172
6.32	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	174
6.33	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	176
6.34	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	180
6.35	Penari Kumpulan Kesenian Shinning Starz	181





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini dijalankan terhadap kesenian masyarakat India yang memfokuskan kepada satu subjek kajian iaitu Kolattam. Penulisan ini akan merungkai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Bab ini akan memberikan gambaran secara keseluruhan tentang kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



yang telah dijalankan serta membincangkan beberapa sub topik iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, teori, definisi konseptual, batasan kajian dan akhir sekali kepentingan kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum atau dikenali sebagai masyarakat majmuk. Kemajmukan ini ditunggangi oleh beberapa lapisan masyarakat iaitu Melayu, Cina, India, Iban dan Kadazan. Masyarakat India adalah komuniti ketiga terbesar dengan populasi seramai 6.6% menurut data Jabatan Pembangunan Masyarakat pada tahun 2022.¹



Kedatangan masyarakat India ke Tanah Melayu dapat dilihat dalam dua fasa iaitu pra moden dan moden. Pada era pra moden sekitar abad ke 4 SM hingga ke 14 SM pemerintahan *Rajendra Chola* ke atas Kedah Tua dan empayar Srivijaya. Hal ini dapat dibuktikan dengan hasil-hasil penemuan oleh para arkeologi di Lembah Bujang Kedah. Seterusnya, kedatangan orang India sebagai pedagang ke Tanah Melayu ketika pemerintahan Kesultanan Melaka. Kedatangan pedagang tertumpu di negeri Melaka khasnya perkara ini dikesan melalui penemuan sejarah iaitu pedagang bernama *Mahi Purindan* yang berkunjung ke Melaka untuk urusan dagang. Pada era moden orang India telah dibawa ke Tanah Melayu sebagai buruh oleh kerajaan British ketika pemerintahan

¹ Jabatan Perangkaan Negara, (2022). Diakses dari (<https://www.mycensus.gov.my/>), pada tarikh 06 Ogos 2012, 11:00 am.



pada abad ke 19.² Selepas Tanah Melayu mendapat kemerdekaan daripada kerajaan British, terdapat orang India telah kembali ke India namun kebanyakannya tidak pulang serta mereka telah dapat status kewarganegaraan.

Kebanyakan masyarakat India di Malaysia beragama Hindu berbangsa Tamil, dan bahasa ibunda mereka adalah juga Tamil. Selain daripada komuniti Tamil terdapat juga komuniti-komuniti lain seperti Malayali dan Telugu. Masyarakat Malayali terdiri daripada agama Hindu dan Kristian. Bahasa ibunda mereka adalah Malayalam. Seterusnya, masyarakat Telugu terdiri daripada komuniti beragama Hindu dan berbahasa Telugu. Berbanding kedua-dua komuniti masyarakat ini, masyarakat Tamil majoriti di Malaysia. Masyarakat India di Malaysia kaya dengan kepelbagaiannya budaya dan kesenian. Kebudayaan ini telah dibawa oleh masyarakat India ke Malaysia melalui proses migrasi (proses kedatangan dibincangkan lebih lanjut pada bab keempat). Selain itu, masyarakat India di Malaysia menyambut pelbagai jenis perayaan dan sambutan seperti Deepavali, Ponggal, Thaipusam, Navarathiri dan Thiruvilla ketika perayaan dan sambutan seperti ini pelbagai jenis tarian akan dipersembahkan. Tarian dan masyarakat India tidak dapat diputuskan hubungannya ini kerana pada setiap perayaan atau sambutan masyarakat India tarian merupakan antara elemen utama. Contohnya semasa sambutan Thaipusam pelbagai jenis tari tradisional dan tari rakyat akan dipersembahkan seperti Bharatanatyam, Kolattam, Mayillaattam, Karagattam dan banyak lagi.

Tarian masyarakat India terbahagi kepada dua jenis iaitu tari tradisional dan tari rakyat. Tari tradisional terdiri daripada Bharatanatyam, Oddisi, Khathak, manakala tari

² Azharudin Mohd Dali (2012), Sejarah Masyarakat India di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya, hlm. 1-5.

rakyat seperti Kolattam, Mayilattam, Karagaattam dan banyak lagi. Tari rakyat merupakan sebuah jenis tarian yang mempunyai nilai estetika atau keindahan yang tinggi serta mengandungi pergerakan dan busana yang sederhana. Tari rakyat juga merupakan sebuah jenis tarian yang wujud dan berkembang sejak zaman primitif dalam kalangan masyarakat. Tahun dan pencipta tari rakyat ini kebiasaannya tidak diketahui secara khusus, kerana kurang kajian tentang tari rakyat yang mencatatkan tahun dan pencipta sebenar. Selain itu, gerak-gerak tari rakyat berasaskan aktiviti harian masyarakat. Sama seperti tari rakyat yang lain tari Kolattam juga mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan di atas iaitu tidak diketahui tahun kewujudan dan penciptanya secara khusus. Seterusnya, gerak tari Kolattam tidak banyak dan berlaku pengulangan gerak serta gerak berdasarkan aktiviti harian masyarakat India. Kolattam adalah sebuah tarian yang berasal dari India. Tarian ini di tarikan oleh penari perempuan dan lelaki sambil memukul dua batang kayu di tangan.³ Tarian ini bukan sahaja di tarikan ketika upacara keagamaan malah ketika majlis-majlis lain seperti perkahwinan dan kelahiran sebagai tujuan hiburan malah dipertandingkan dalam pertandingan-pertandingan tarian di luar dan dalam negara.

Kajian ini akan membincangkan tentang tari Kolattam dengan lebih jelas dari segi beberapa aspek yang akan dititikberatkan seperti kedatangan tari Kolattam ke Malaysia, sejarah tari Kolattam, tari Kolattam di India dan di Ipoh dengan memfokuskan kepada dua kumpulan kajian. Tari Kolattam telah dibawa oleh masyarakat India ke Malaysia sekitar abad ke 19 ketika *labour diaspora*. (Labour diaspora dibincangkan lebih luas di bab keempat). Tari Kolattam telah tersebar luas ke seluruh Semenanjung Malaysia,

³ Zaitie Satibi. Rentak Unik Tarian Kolattam. Diakses dari (<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/11/521098-rentak-unik-tarian-kolattam>), pada tarikh 06 Ogos 2019, 10:00pm.



khususnya di negeri Ipoh Pada awalnya Kolattam yang hanya di tarikan di kawasan-kawasan perkampungan telah mula dipersembahkan di kawasan bandar, berikutan penghijrahan masyarakat India dari luar bandar ke bandar untuk tujuan menaik taraf kehidupan mereka. Oleh sebab itu, tari Kolattam merupakan sebuah tari yang berhijrah dari satu negara ke negara lain maka terdapat beberapa perbezaan dan persamaan antara Kolattam di India dan Malaysia, khususnya di Ipoh. Oleh itu, kajian ini akan mengenal pasti kedatangan Kolattam dengan membincangkan kedatangan masyarakat India ke Malaysia, menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam di India dan Ipoh. Bagi tujuan mengenali tari Kolattam di India dan Ipoh, pengkaji melakukan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan temu bual. Kaedah dokumentasi digunakan untuk mengenal pasti proses kedatangan masyarakat India di Malaysia. Proses ini akan membantu dalam mengenali ciri-ciri masyarakat India, bila dan bagaimana tari Kolattam datang ke Malaysia. Seterusnya, kaedah pemerhatian dilakukan dengan memerhati dan meneliti video dari laman *YouTube* yang mempersembahkan tari Kolattam di India yang bertujuan untuk membincangkan koreologi dan sosiologi tari Kolattam asli dari India. Kaedah meneliti video di *YouTube* digunakan kerana pengkaji tidak berkesempatan ke India untuk mengkaji Kolattam di India. Pengkaji memilih satu kumpulan secara rawak di *YouTube* berdasarkan kekerapan persembahan yang telah dilakukan oleh kumpulan tersebut. Kaedah temu bual digunakan untuk dua kumpulan tarian di Ipoh iaitu Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz. Kelas tari Sri Mudraksha Natyalaya ditubuhkan pada tahun 2018 yang dimiliki seorang tenaga pengajar iaitu Cik Lalitha Sanasi. Kumpulan tarian Shining Starz diketuai oleh Master Ugaan telah ditubuhkan pada



tahun 2014. Kedua-dua kelas tarian ini mengajar pelbagai jenis tarian masyarakat India khususnya Kolattam. Mereka mempunyai pengalaman yang luas dalam mengajar dan menari tari Kolattam di sekitar Ipoh. Data daripada kedua-dua kumpulan ini akan dibincangkan secara terperinci di bahagian dapatan kajian.

1.2 Pernyataan Masalah

Tarian Kolattam yang asalnya dari negara India kini merupakan sebuah tarian rakyat yang amat popular dan digemari bukan hanya oleh masyarakat India di Malaysia namun kaum-kaum lain juga. Tarian Kolattam dipersembahkan dengan kepelbagaian variasi oleh kumpulan-kumpulan tari di Malaysia. Setiap kumpulan tari mempunyai gaya dan versi masing-masing sehingga boleh menimbulkan beberapa persoalan seperti, apakah bentuk asal tarian Kolattam, adakah tarian Kolattam di Malaysia masih mengikut struktur asal seperti di India, adakah pengamal tarian Kolattam diberi terlalu banyak kebebasan untuk mengubahsuai dan mempersempahkan mengikut gaya mereka sendiri atau adakah faktor kreativiti merupakan penyumbang juga kepada kepelbagaian versi di Malaysia. Perbezaan tarian Kolattam di India dan Malaysia memang ketara sekali dari beberapa perspektif dan penyebabnya. Perbezaan yang amat ketara adalah dari segi koreologi dan sosiologi. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menganalisis tarian Kolattam di India dan Malaysia dari aspek koreologi dan sosiologi. Sejauh manakah tarian Kolattam di India dan Malaysia mempunyai impak terhadap persoalan migrasi, asimilasi budaya, kealpaan generasi muda terhadap budaya mereka sendiri, pengagihan budaya apabila



tarian ini dipersembahkan oleh kaum-kaum lain atau sebaliknya apresiasi terhadap tarian dan budaya dan kefahaman serta pengetahuan masyarakat setempat.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti proses kedatangan masyarakat India di Malaysia
- ii. Menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam asli dari India
- iii. Menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam masyarakat India pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh, Malaysia.



1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah proses kedatangan masyarakat India di Malaysia?
- ii. Bagaimanakah koreologi dan sosiologi tari Kolattam asli dari India?
- iii. Bagaimanakah koreologi dan sosiologi tari Kolattam masyarakat India pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Malaysia?



1.5 Teori

Teori merupakan kenyataan yang mempunyai konsep-konsep yang membolehkan seseorang memahami, menjelaskan, meneruskan dan menilai ramalan terhadap sesbuah fenomena. Teori adalah peta tentang kebenaran, jawapan sementara yang dibentuk bagi persoalan yang timbul tentang sesuatu fenomena. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan konsep koreologi dan sosiologi dari *dance theory* bagi menjawab persoalan kajian ini.

Dance theory ini telah diasaskan oleh seorang ahli etnomuzik dan antropologi yang bernama *John Blacking*. Beliau berasal *Guildford, England* dari tahun 1928 hingga 1990. Penemuan *dance theory* adalah dari Australia melalui komuniti Tiwi sekitar abad ke 20. Teori ini menerangkan tentang ciri-ciri tari etnik. Teori ini dapat dilihat dari beberapa ciri-ciri tarian iaitu jantina, etnik, kelas sosial, kewarganegaraan, seksualiti, ideologi. Selain itu, teori ini mempunyai maksud luas yang meliputi ekspresi seni tari, gaya tarian, asal-usul tarian, jenis tarian dan gerak tarian. Seterusnya, teori ini mengandungi tiga kategori utama iaitu falsafah, koreologi dan sosiologi. Falsafah memfokuskan pada makna sebalik sebuah tarian atau makna estetik tarian tersebut. Kedua, koreologi bermaksud penganalisa gerak tarian dengan penerangan yang kukuh. Ketiga adalah kategori yang membincangkan tentang fungsi tarian dalam sesbuah budaya dan masyarakat dinamakan sebagai sosiologi. Nama sosiologi diambil daripada gabungan dua perkataan Latin iaitu socio dan logos yang dipanggil sebagai masyarakat atau sosiologi. Sosiologi adalah sebuah kajian yang bersistematik untuk mengkaji tentang

manusia dan interaksi sosial mereka dari pelbagai sudut masyarakat. Sosiologi juga didefinisikan sebagai pembelajaran berilmiah yang memfokuskan pada manusia dalam masyarakat. (Swingewood, Alain 1972). Sosiologi ini memberikan penelitian tentang bagaimana kehidupan sesebuah masyarakat dari aspek politik, ekonomi, sosial, keluarga dan agama. Bagi kajian ini pengkaji akan meneliti aspek sosial tentang kebudayaan masyarakat India khususnya tari Kolattam. Selain itu, koreologi pula ditemukan pada tahun 1960 an oleh Gertrude Prokosch Kurath. Kurath memfokuskan koreologi terhadap budaya tari etnik bukan Barat yang berasaskan kepada kebudayaan dalam melahirkan budaya tari.

Walaupun *dance theory* ini mempunyai tiga konsep yang berbeza, namun pengkaji hanya menggunakan koreologi dan sosiologi sahaja. Hal ini kerana koreologi dan sosiologi dapat membincangkan tentang Kolattam di India dan di Malaysia khususnya kumpulan yang dikaji. Bahagian ini akan membincangkan secara luas tentang sejarah dan budaya masyarakat India di Malaysia. Tujuan ini adalah untuk mengesan kehadiran Kolattam ke Malaysia. Selain daripada sosiologi dan koreologi pengkaji turut menyentuh sedikit tentang konsep diaspora untuk mengenal pasti fasa kedatangan masyarakat India di Malaysia.

Menurut Cohen (2008) diaspora dapat dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu, *victim diaspora, labour diaspora, imperial diaspora, trade diaspora* dan *deterritorialized diaspora*. *Victim diaspora* adalah perpindahan sekumpulan masyarakat atas sebab paksaan atau pelarian dari tanah air ke negara lain. *Labour diaspora* merupakan penghijrahan masyarakat ke negara baharu sebagai buruh kerahan. Masyarakat migrasi



untuk bekerja sebagai buruh di negara lain oleh kerajaan yang menjajah negara tersebut. Contohnya, masyarakat India dibawa ke Tanah Melayu sebagai buruh ketika penjajahan kerajaan British. *Imperial diaspora* adalah kedatangan sekumpulan masyarakat ke negara lain atas tujuan untuk menjajah negara tersebut. Contohnya, kedatangan kerajaan British ke Tanah Melayu kemudian menjajah. *Trade diaspora*, dikenali sebagai penghijrahan atas sebab perdagangan. Contohnya, kedatangan pedagang-pedagang Cina ke Asia untuk tujuan perdagangan. Seterusnya, penghijrahan sekumpulan masyarakat yang tidak mempunyai sebarang kemahiran namun migrasi ke negara lain untuk tujuan mencari kehidupan baharu. Contohnya, orang Caribbean berhijrah ke negara-negara Eropah dan Amerika ini merupakan *deterritorialized diaspora*. Menurut Ionescu (2006) mengertikan diaspora sebagai kelompok asing yang berbeza dengan pendatang berlaku pada kumpulan asing di luar negara dan generasi yang lahir di luar negara daripada ibu bapa asing yang sedang atau mungkin menjadi warganegara tempat mereka tinggal. (Bustami 2016).


Merujuk pada definisi diaspora menurut Cohen (2008), masyarakat India di Malaysia pada abad ke 19 adalah diklasifikasikan sebagai *labour diaspora* yang dibawa oleh kerajaan British sebagai buruh. Meskipun begitu, kajian ini tidak hanya memfokuskan tentang kedatangan orang India di Malaysia.

Di samping itu, sejarah Kolattam dan tari Kolattam dari India dan Malaysia akan dibincangkan melalui koreologi teori dan sosiologi teori. Teori ini akan membantu pengkaji untuk menganalisis bentuk dan fungsi tari Kolattam dengan lebih jelas. Bentuk tari Kolattam yang dibincangkan adalah penari, props, muzik, pola lantai, busana, pentas, aksesori penari dan gerak tari. Selain bentuk, fungsi tarian juga dibincangkan adalah



upacara keagamaan, upacara adat, berfungsi sebagai hiburan, berfungsi sebagai pengaruh dalam industri filem India, berfungsi sebagai pertunjukan dan tontonan dan berfungsi dalam bidang pendidikan.

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1. Kerangka Teori (Diolah oleh Yashini Manogaran 2022)



Kerangka teori adalah satu cara yang tersusun atau berstruktur digunakan oleh penyelidik dalam kajian. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kerangka teoritikal untuk menjawab objektif kajian. Kajian ini akan menggunakan satu teori iaitu, *dance theory* yang memfokuskan kepada koreologi dan sosiologi. Teori diaspora yang hanya memfokuskan kepada *imperial diaspora*, *trade diaspora* dan *labour diaspora* untuk menjawab objektif kajian untuk mendeskripsikan proses kedatangan masyarakat India di Malaysia. Selain itu, koreologi dan sosiologi teori akan memberikan penelitian tentang objektif kedua iaitu tari Kolattam asli dari India dan ketiga tari Kolattam masyarakat India pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh kerana tarian ini telah dibawa oleh masyarakat India ke Tanah Melayu semasa proses migrasi. Pada hasil dapatan kajian ini pengkaji mengharapkan dapat menjawab objektif dan persoalan kajian dengan betul dan jelas.



1.7 Definisi Operasional

Kolattam

Terdapat dua jenis tarian masyarakat India iaitu tari klasik dan tari rakyat.⁴ Tari klasik adalah seperti Bharathanathiyam, Oddisi, Khatak dan lain-lain. Manakala tari rakyat adalah Kolattam, Mayil attam, Karaga attam, Kummi dan banyak lagi. Kolattam merupakan sebuah tari rakyat yang di tarikan oleh penari lelaki dan perempuan.

⁴ Projesh Banerji, (1944), The Folk Dance of India, Allahabad : Penerbitan KITABISTAN, hlm. 9





Perkataan “kol” membawa maksud dua batang kayu, manakala “attam” bermaksud tari.⁵

Terdapat dua jenis Kolattam iaitu Pinnal Kolattam dan Kolattam. Perbezaan antara kedua-dua tari ini adalah Pinnal Kolattam menggunakan tali diikat pada tiang yang tinggi dan sebelah lagi dipegang oleh penari. Manakala Kolattam penari hanya menggunakan kayu.

Koreologi

Koreologi bermaksud penganalisan tarian dengan penerangan yang kukuh. Koereologi juga dijelaskan sebagai pecahan daripada antropologi yang melihat tentang tari dari segi budaya tari itu sendiri serta kedudukan budaya dari individu-individu, pola organisasi



Sosiologi

Secara umumnya sosiologi membawa maksud kajian terhadap perkembangan, organisasi dan kehidupan. Selain itu, sosiologi juga dapat dijelaskan sebagai kajian tentang hubungan sosial manusia dan institusi. Sosiologi dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti kelas sosial dengan kepercayaan berkongsi budaya yang sama, kestabilan sosial

⁵ Anish Mohan Khokar, (2003), Folk Dance Tibal, Ritual, & Martial Forms, New Delhi, India: Penerbitan Rupa Publication PVT LTD, New Delhi, India, hlm 59.





kepada perubahan radikal dalam masyarakat keseluruhan, jenayah kepada agama, kelompok perkauman dan keluarga untuk negara.

Tari

Secara umumnya, tari merupakan ungkapan jiwa dan perasaan seseorang individu melalui gerak dan irungan muzik. Tari juga boleh dibahagikan kepada dua aspek seperti aspek hiburan dan aspek komunikasi. Aspek hiburan boleh berbentuk tarian, muzik, lakonan komedi yang bersifat menghiburkan tanpa ada keperluan untuk persiapan ianya boleh dilakukan secara spontan. Dari segi komunikasi, tari tersebut dapat menyampaikan maksud kepada para penonton melalui gerak dan harus difamahi oleh penonton.



1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian ini tertumpu pada empat perkara iaitu pertama teori, kedua pemilihan sampel dan tempat kajian, ketiga persembahan tari Kolattam dan akhir sekali kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini untuk menganalisis kedatangan masyarakat India ke Malaysia. Seterusnya menganalisis tari Kolattam asli dari India dan menganalisis tari Kolattam pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyala dan Shinning Starz dari aspek koreologi dan sosiologi.



Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori koreologi dan teori sosiologi sahaja. Teori yang diasaskan oleh John Blacking digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini untuk membincangkan tari Kolattam asli dari India dan tari Kolattam pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz di Ipoh. Teori ini sesuai digunakan untuk menganalisis dari segi koreologi dan sosiologi tari Kolattam.

Seterusnya, sampel kajian ini adalah dua kumpulan kesenian dari Ipoh iaitu Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz. Tujuan pemilihan kumpulan ini adalah didapati bahawa kumpulan ini aktif dalam mengajar dan mempersembahkan Kolattam di sekitar Perak khususnya, Ipoh. Selain itu, kumpulan ini juga berupaya dalam mengekalkan tari Kolattam yang asli dari segi gerak, pola lantai, busana dan struktur persembahan Kolattam. Kajian ini dilakukan di Ipoh, Perak dengan hanya memfokuskan dua kumpulan, tujuan pemilihan lokasi kajian ini adalah tari Kolattam amat popular dipersembahan sekitar Ipoh terutamanya ketika musim Ponggal dan Thaipusam.

Kajian ini juga menjelaskan tentang kedatangan masyarakat India ke Malaysia menjelaskan dari segi fasa dan kesan. Tujuan perbincangan ini adalah untuk mengenal pasti kedatangan sejarah dan tari Kolattam di Malaysia. Kajian ini tidak digeneralisasikan kepada seluruh kesenian masyarakat India malah hanya menjurus pada tari Kolattam dan kumpulan yang dikaji sahaja.

Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data digunakan dalam kajian ini adalah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Dapatan kajian ini bergantung pada jawapan responden ketika menjawab



soalan yang ditanya oleh pengkaji berkaitan proses kedatangan masyarakat India di Malaysia. Bagi membincangkan tari Kolattam asli dari India pengkaji menganalisis data melalui tontonan video persembahan tari Kolattam di YouTube. Hal ini kerana pengkaji tidak dapat ke India. Oleh itu, kaedah dokumentasi video persembahan digunakan. Seterusnya, untuk membincangkan tari Kolattam masyarakat India pada kumpulan kesenian di Ipoh pengkaji akan menemu bual dua kumpulan kesenian iaitu Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz. Hasil kajian ini tidak boleh dikhurasukan bagi mewakili keseluruhan kesenian masyarakat India. Namun, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang untuk mengenal pasti proses kedatangan masyarakat India di Malaysia dan tari Kolattam masyarakat India di Malaysia.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengesan impak kajian ini terhadap pihak universiti, negara, aktivis seni dan masyarakat untuk memperluaskan pengetahuan yang mendalam tentang bidang kajian.

- i. Kepentingan kajian kepada pihak universiti, menyumbang dalam menambahkan dokumentasi tentang penulisan terhadap kedatangan masyarakat India dan Kolattam di Malaysia.
- ii. Kepentingan kajian kepada negara, membuka minda masyarakat berbilang kaum di Malaysia mengenai bidang seni persembahan masyarakat India



khususnya Kolattam supaya kesenian ini dapat dipelajari oleh semua lapisan masyarakat.

- iii. Kepentingan kajian kepada aktivis seni, boleh dijadikan bahan rujukan kepada para penyelidik dan aktivis seni agar menambah pengetahuan tentang kesenian masyarakat India. Hal ini kerana masih kurang bahan bacaan berkaitan bidang ini khususnya Kolattam.
- iv. Kepentingan kajian ini kepada masyarakat, dapat melestarikan kesenian dan kebudayaan masyarakat India khususnya Kolattam agar tidak pupus dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Secara rumusan, bab ini membincangkan latar belakang kajian dari aspek kedatangan masyarakat India dan kesenian masyarakat India khususnya Kolattam dan menuju kepada objektif kajian yang menerangkan tentang mengenal pasti kedatangan masyarakat India di Malaysia, sejarah tari Kolattam di Malaysia serta menganalisis koreologi dan sosiologi tari Kolattam dari India dengan kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shining Starz di Malaysia. Seterusnya, tujuan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian yang timbul iaitu faktor kedatangan masyarakat India di Malaysia, bagaimanakah sejarah tari Kolattam di Malaysia, apakah koreologi dan sosiologi tari Kolattam dari India dengan kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning



Starz di Malaysia. Bagi tujuan memberikan fahaman yang jelas beberapa istilah telah diterangkan dalam bahagian istilah konseptual. Seterusnya, kajian ini mempunyai batasan iaitu kajian ini tidak rasionalisasikan kepada semua jenis kesenian masyarakat India, malah memfokuskan kepada satu subjek kajian iaitu Kolattam pada dua kumpulan kesenian sahaja. Akhir sekali, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dititikberatkan iaitu secara umumnya untuk mengenali proses kedatangan masyarakat India, tari Kolattam asli dari India, tari Kolattam pada kumpulan kesenian Sri Mudraksha Natyalaya dan Shinning Starz serta memelihara Kolattam di Malaysia yang dibincangkan dari aspek koreologi dan sosiologi.

